

# Najib, Rosmah mahu batal saman Deepak

➔ Ahli perniagaan fail tuntutan ganti rugi RM676j 12 Oktober lalu

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor akan memohon untuk membatalkan saman dikemukakan terhadap mereka oleh ahli perniagaan, Deepak Jaikishan.

Deepak selaku pengarah syarikat Carpet Raya Sdn Bhd menyaman bekas Perdana Menteri dan isteri dengan menuntut

ganti rugi RM676 juta berhubung dakwaan penipuan beberapa transaksi membabitkan konspirasi jual beli tanah.

Peguam David Mathews yang mewakili Najib dan Rosmah ketika ditemui selepas pengurusan kes saman itu, semalam, berkata pihaknya akan memfailkan permohonan untuk membatalkan saman berkenaan pada 7 Januari ini.

## 14 Januari pengurusan kes

Katanya, anak guam beliau sudah memfailkan pernyataan pembelaan terhadap saman itu semalam dan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Azimah Omar menetapkan 14 Januari ini bagi pengurusan kes.

Hakim menetapkan tarikh itu dalam kamar beliau.

Sementara itu, peguam Irzan Iswat Mohd Nor yang mewakili Deepak, berkata dua lagi defendan, iaitu syarikat Boustead Holdings Bhd dan Bakti Wira Development Sdn Bhd sudah

memfailkan permohonan untuk membatalkan saman itu.

Deepak memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan pada 12 Oktober lalu dengan menamakan Najib, Rosmah, Boustead, iaitu syarikat hartanah dan anak syarikatnya, Bakti Wira selaku defendan pertama hingga keempat.

Dalam pernyataan tuntutan, Deepak mendakwa beliau sebagai pengarah dan pemilik saham terbesar syarikat Astacanggih Sdn Bhd, menandatangani perjanjian dengan pengarah dan pemilik saham terbesar syarikat Awan Megah (M) Sdn Bhd, Raja Ropiah Raja Abdullah berhubung tiga bidang tanah seluas 181.9 hektar di Mukim Kapar, Klang dan Mukim Bukit Raja, Jajahan Petaling.

Beliau mendakwa Astacanggih membayar deposit RM13 juta kepada Awan Megah dan mengemukakan bon tanah daripada Kuwait Finance House (M) Bhd kepada Kerajaan Malaysia

berjumlah RM72.5 juta.

Bagaimanapun, dakwanya, Awan Megah melalui Raja Ropiah gagal dan enggan memajukan geran asal tanah itu untuk didaftarkan pindah milik kepada Astacanggih.

## Dakwa penipuan, pengaruh tak wajar defendan

Deepak mendakwa, berikutan penipuan dan pengaruh tidak wajar defendan pertama dan kedua, Astacanggih terpaksa akur menjual 80 peratus daripada keseluruhan saham dimilikinya dalam syarikat itu (Astacanggih) kepada Boustead Holdings melalui anak syarikatnya, defendan keempat.

Sehubungan itu, Deepak berkata, dari segi undang-undang, tanah itu miliknya menerusi Astacanggih ketika beliau selaku pengarah dan pemegang saham majoriti syarikat itu apabila menandatangani perjanjian perolehan dengan Awan Megah melalui Raja Ropiah.



Keratan akhbar BH  
22 September 2018.

BH- 1/1/2019 m/s 19